



BANCI EKONOMI 2026: PENGUMPULAN DATA

PENGENALAN



Pengumpulan data Banci Ekonomi (BE) merupakan proses mendapatkan maklumat komprehensif berkaitan aktiviti terkini perniagaan yang meliputi semua pertubuhan di seluruh negara bagi menghasilkan statistik rasmi yang tepat untuk perancangan dan pembangunan ekonomi negara. Pengumpulan data Banci Ekonomi dilaksanakan secara berperingkat dan berstruktur mengikut metodologi yang ditetapkan berasaskan manual antarabangsa bagi memastikan liputan menyeluruh serta ketepatan dan kebolehpercayaan statistik ekonomi negara. Penghasilan data kualiti sangat bergantung kepada kaedah pengumpulan data yang baik, instrumen yang berkesan dan kerjasama baik daripada semua pihak.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data banci dibuat melalui beberapa kaedah iaitu kaedah pos, temuramah bersemuka dan melalui sistem atas talian yang disediakan (e-BE). Dalam tempoh pembancian tersebut, pembanci yang dilantik akan mengunjungi premis-premis perniagaan dengan membawa pengenalan diri dan surat arahan pembancian seperti yang dinyatakan dalam Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

TEMURAMAH BERSEMUKA & MEL



- **Penggunaan Borang Salinan Keras (Hardcopy):** Kaedah ini melibatkan penggunaan borang fizikal yang dikendalikan melalui interaksi langsung atau penghantaran dokumen.

- **Saluran Penghantaran Pelbagai:** Data dikumpul melalui temu duga bersemuka atau dihantar oleh responden melalui pos, faks, dan e-mel.

TRANSFORMASI DIGITAL & PENGISIAN KENDIRI



- **Sistem e-BE (Pengisian Kendiri):** Responden mengisi borang secara dalam talian secara sendiri, merangkumi borang pendek dan borang panjang.

- **Penggunaan e-BE pada Fasa 2 & 3:** Sistem ini diaktifkan khusus untuk pengumpulan data semasa fasa kedua dan ketiga operasi.

- **Sistem e-Micro (Temu Bual Berpanduan Peranti):** Temu bual dijalankan menggunakan komputer atau peranti digital untuk memudahkan kemasukan data secara langsung.

- **Fokus e-Micro pada Fasa 1:** Hanya digunakan semasa Fasa 1 dan terhad kepada pengisian borang ringkas sahaja.

PENDEKATAN INOVATIF & DATA PENTADBIRAN



- **Integrasi Data Pentadbiran:** Menggunakan data sedia ada daripada pelbagai agensi kerajaan untuk mengurangkan beban responden daripada mengisi maklumat berulang.

- **Kaedah Lokality & Geospasial:** Menggunakan teknologi geospasial untuk mengesan dan mengesahkan lokasi fizikal sesebuah pertubuhan perniagaan dengan tepat.





INSTRUMEN BANCI

Data Banci dipungut melalui borang soal selidik yang disediakan terdiri daripada borang ringkas, borang pendek dan borang panjang mengikut kesesuaian aktiviti mengikut fasa-fasa tertentu.



Borang Ringkas (1 Jenis)
Satu jenis borang standard merangkumi semua sektor.



Sasaran: PMKS Mikro & Sektor Informal
(Perniagaan sangat kecil & tidak rasmi).

Fasa 1 Operasi

5 Januari – 28 Februari 2026

Maklumat Asas Dikumpul



Borang Pendek (16 Jenis)
Borang khusus sektor Pembuatan, Pembinaan, & 14 subsektor Perkhidmatan.



Sasaran: PMKS Mikro, Kecil & Sederhana
(Pertubuhan bersaiz kecil & sederhana).

Fasa 2 Operasi

1 Mac – 30 Jun 2026

Maklumat Terperinci Dikumpul

Mengandungi semua maklumat dari Borang Asas dengan tambahan soalan



Borang Panjang (20 Jenis)
Set komprehensif: Pertanian, Perlombongan, Pembuatan, Pembinaan, & 14 subsektor Perkhidmatan.



Sasaran: Pertubuhan Sederhana & Besar
(Syarikat besar dengan struktur kompleks).

Fasa 3 Operasi

1 Jun – 31 Oktober 2026

Maklumat Terperinci Dikumpul

Merangkumi semua maklumat Borang Pendek dengan soalan tambahan mengenai:



Data Asas Dikumpul
Taraf Sah Organisasi, Nilai Jualan, Perbelanjaan, Harta Tetap, Bilangan Pekerja, Jumlah Gaji.




Penambahan Skop Maklumat
Data Ases, Nilai Stok, Penggunaan Bahan Mentah, Maklumat Cawangan, Nilai Kerja Pembinaan.



Fokus Strategik & Masa Depan
Ekonomi Digital, OGSE, R&D, Kelestarian Alam Sekitar (ESG), Penerimaan Teknologi, Pembiayaan.

KENALI PEMBANCI DOSM

Pembanci ialah pegawai rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang ditugaskan untuk mengumpulkan data statistik negara. Setiap Pembanci yang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 akan membawa dokumen berikut:



Vest DOSM

Lanyard
BE 2026

Beg BE 2026

